

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI PULAU PINANG) 1997

1 - Nama dan mula berkuatkuasa.

Kaedah-Kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang) 1997** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

BAHAGIAN I PERMULAAN

Bab

Seksyen *

2 - Tafsiran.

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-
"Daftar Peguam Syarie" ertinya Daftar Peguam Syarie yang diperuntukkan di bawah Kaedah 16;

"Enakmen" ertinya Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993;

"Jawatankuasa" ertinya Jawatankuasa Peguam Syarie yang ditubuhkan di bawah Kaedah 3;

"Mahkamah atau Mahkamah Syariah" ertinya Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah atau Mahkamah Rayuan Syariah, setakat mana yang berkenaan yang ditubuhkan di bawah seksyen 42;

"MAINPP" ertinya Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang yang ditubuhkan di bawah seksyen 4;

BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

Bab

Seksyen *

3 - Penubuhan Jawatankuasa.

Maka hendaklah ditubuhkan suatu Jawatankuasa yang dikenali sebagai "Jawatankuasa Peguam Syarie" yang akan menguruskan semua perkara berhubungan dengan perantaraan Peguam Syarie di Negeri Pulau Pinang.

BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE

Bab

Seksyen *

4 - Keahlian Jawatankuasa.

(1) Jawatankuasa hendaklah terdiri daripada-

- (a) seorang ahli Majlis, sebagai Pengerusi;
- (b) Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah, sebagai Setiausaha;
- (c) Ketua Pendakwa Syarie;
- (d) Penasihat Undang-Undang atau wakilnya; dan
- (e) tidak lebih daripada dua orang ahli yang lain yang berkemahiran dalam Hukum Syarak.

(2) Ahli-ahli yang disebut dalam subkaedah 4(1)(e) hendaklah dilantik oleh MAINPP.

(3) Tertakluk kepada Kaedah 5, seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(e) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tiga tahun dari tarikh perantikannya dan dia adalah layak dilantik semula.

Bahagian	BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	5 - Penamatan perlantikan dan perletakan jawatan.
	<p>(1) Perlantikan seseorang ahli Jawatankuasa di bawah perenggan 4(1)(e) boleh pada bila-bila masa ditamatkan oleh MAINPP tanpa memberi sebarang sebab mengenainya.</p> <p>(2) Seseorang ahli Jawatankuasa yang dilantik di bawah perenggan 4(1)(e) boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan menghantar notis kepada MAINPP dan perletakan jawatan itu hendaklah berkuatkuasa mulai dari tarikh MAINPP menerima notis bertulis itu.</p> <p>(3) MAINPP boleh melantik seorang lain untuk mengisi kekosongan jawatan mana-mana ahli Jawatankuasa yang terhenti memegang jawatan di bawah subkaedah (1) dan (2).</p> <p>(4) Seseorang yang dilantik di bawah subkaedah (3) hendaklah memegang jawatan hanya selama baki tempoh jawatan ahli Jawatankuasa yang terhenti memegang jawatan itu.</p>
Bahagian	BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	6 - Mesyuarat Jawatankuasa.
	<p>(1) Pengerusi Jawatankuasa hendaklah mempengerusikan setiap mesyuarat Jawatankuasa dan jika Pengerusi tidak hadir, ahli-ahli yang hadir boleh melantik salah seorang daripada mereka untuk mempengerusikan mesyuarat itu.</p> <p>(2) Tiga orang ahli Jawatankuasa hendaklah membentuk kourum bagi mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.</p> <p>(3) Semua keputusan mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dibuat dalam mesyuarat dengan sebulat suara atau lebih suara ahli-ahli yang hadir.</p> <p>(4) Sekiranya terdapat persamaan undi, Pengerusi hendaklah mempunyai kata pemutus.</p> <p>(5) Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa arahan MAINPP, Jawatankuasa boleh menetapkan prosedurnya sendiri.</p>
Bahagian	BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	7 - Fungsi Jawatankuasa.
	<p>Fungsi Jawatankuasa adalah-</p> <p>(a) untuk membuat perakuan kepada MAINPP mengenai kelayakan mana-mana orang yang memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie oleh MAINPP;</p> <p>(b) untuk membuat perakuan kepada MAINPP sama ada nama mana-mana Peguam Syarie itu harus digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie atau mana-mana Peguam Syarie itu digantung dari menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau diberi amaran; dan</p> <p>(c) untuk menjalankan lain-lain fungsi yang berkait dengan fungsi-fungsi yang disebutkan di bawah paragraf (a) dan (b).</p>

Bahagian	BAHAGIAN II PENUBUHAN JAWATANKUASA PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	8 - Elaun khas.
	Maka hendaklah dibayar kepada ahli-ahli Jawatankuasa apa-apa elaun khas mengikut kadar yang ditetapkan oleh MAINPP.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	9 - Kelayakan Peguam Syarie.
	<p>Mana-mana orang yang memenuhi syarat-syarat yang berikut adalah layak untuk dilantik menjadi Peguam Syarie-</p> <p><i>Akta 166.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (a) seorang Pegawai Undang-Undang Kerajaan Persekutuan; (b) seorang Pengamal Undang-Undang yang memiliki sijil yang sah dikeluarkan di bawah Akta Profesion Undang-Undang, 1976; atau (c) seseorang yang telah mencapai umur 21 tahun; dan (d) seseorang yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Sarjana Muda Undang-Undang yang diiktiraf oleh MAINPP dari mana-mana institusi pengajian tinggi yang diiktiraf oleh Kerajaan Persekutuan; dan (e) <ul style="list-style-type: none"> (i) telah mendapat latihan profesional yang diiktirafkan oleh MAINPP di dalam bidang kehakiman Islam; atau (ii) berkemahiran dalam Hukum Syarak; dan (f) berkelakuan baik, dan- <ul style="list-style-type: none"> (i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikannya tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie; atau (ii) tidak pernah dihukum menjadi seorang bankrap; atau <p><i>Akta 55.</i></p> <ul style="list-style-type: none"> (iii) tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang dinyatakan dalam paragraf 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967; dan (g) seorang warganegara Malaysia.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	10 - Permohonan.
	(1) Seseorang yang berhasrat untuk dilantik sebagai Peguam Syarie hendaklah membuat permohonan kepada Jawatankuasa dengan menggunakan Borang 1 yang ditetapkan dalam Jadual 1.

(2) Setiap permohonan hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Jawatankuasa dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen yang perlu.

(3) Setiap permohonan hendaklah disokong oleh dua orang penyokong yang mana hendaklah terdiri daripada mereka yang berikut-

- (a) Peguam Syarie;
- (b) Peguambela atau peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-Undang, 1976;
- (c) Ahli Dewan Undangan Negeri;
- (d) Ahli Parlimen; atau
- (e) Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A.

(4) Tiap-tiap pemohon, selepas permohonannya diserahkan kepada dan diakuterima secara bertulis oleh Pengerusi Jawatankuasa, hendaklah menampalkan satu salinan permohonannya di papan notis setiap Mahkamah Syariah di Pulau Pinang selama satu bulan.

Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	11 - Bantahan.
	Apa-apa bantahan mengenai permohonan seseorang untuk dilantik sebagai Peguam Syarie hendaklah dikemukakan kepada Jawatankuasa dengan alasan-alasan bagi bantahan itu.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	12 - Perakuan.
	(1) Selepas sahaja menerima bantahan di bawah Kaedah 11 Jawatankuasa hendaklah mengadakan mesyuarat untuk membincang dan membuat perakuan di atas bantahan itu.
	(2) Jawatankuasa hendaklah mengemukakan perakuannya kepada MAINPP dalam masa empat belas hari dari tarikh perakuan itu dibuat.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	13 - Keputusan.
	MAINPP hendaklah memberitahu keputusannya kepada pemohon dan kepada Hakim tiap-tiap Mahkamah Syariah di Negeri Pulau Pinang dalam masa empat belas hari dari tarikh keputusan itu dibuat.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	14 - Sijil Peguam Syarie.
	(1) Tiap-tiap orang yang dilantik menjadi Peguam Syarie hendaklah memiliki Sijil Peguam Syarie yang akan dikeluarkan kepadanya oleh MAINPP setelah dia membayar fee yang ditetapkan.

	<p>(2) Tiap-tiap Sijil Peguam Syarie hendaklah ditandatangani oleh Yang di-Pertua Majlis dan hendaklah dalam bentuk mengikut Borang 2 sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual 2.</p> <p>(3) Tertakluk kepada subkaedah 22(3) dan 26(3), fee untuk Sijil Peguam Syarie ialah dua ratus ringgit.</p>
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	15 - Pengisytiharan oleh Mahkamah Tinggi.
	<p>(1) Tiap-tiap orang yang telah dilantik menjadi Peguam Syarie oleh MAINPP hendaklah, sebelum dia boleh menjalankan amalan sebagai seorang Peguam Syarie, memohon supaya suatu pengisytiharan perlantikannya sebagai Peguam Syarie hendaklah terlebih dahulu dibuat oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi Syariah.</p> <p>(2) Pengisytiharan itu hendaklah dilakukan oleh Hakim tersebut di mahkamah terbuka.</p>
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	16 - Daftar Peguam Syarie.
	<p>(1) Setiausaha Jawatankuasa hendaklah menyelenggarakan suatu rekod mengenai pendaftaran semua Peguam Syarie, dan rekod itu hendaklah dipanggil "Daftar Peguam Syarie".</p> <p>(2) Daftar Peguam Syarie hendaklah mengandungi maklumat yang berikut-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) nama Peguam Syarie; (b) nombor kad pengenalan; (c) kelulusan; (d) nama di bawah mana ia menjalankan amalan atau nama firma; (e) alamat surat-menyurat; (f) tarikh dilantik sebagai Peguam Syarie; (g) tarikh-tarikh pembaharuan pendaftaran; (h) tarikh pengguguran pendaftaran (jika ada); (i) maklumat mengenai apa-apa tindakan tatatertib (jika ada) ke atas Peguam Syarie; (j) lain-lain butir-butir sebagaimana diarahkan oleh MAINPP atau Jawatankuasa dari semasa ke semasa.
Bahagian	BAHAGIAN III PEGUAM SYARIE
Bab	
Seksyen *	17 - Hak-hak seorang Peguam Syarie.
	Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan mana-mana undang-undang bertulis lain, tiap-tiap Peguam Syarie yang dilantik di bawah Kaedah-Kaedah ini berhak hadir dalam mana-mana Mahkamah Syariah bagi pihak mana-mana pihak kepada apa-apa prosiding di hadapannya.
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB

Bab	
Seksyen *	18 - Tindakan Tatatertib.
	<p>(1) Jawatankuasa boleh, atas apa-apa sebab yang wajar mengenakan tindakan tatatertib ke atas mana-mana Peguam Syarie mengikut peruntukan Bahagian ini.</p> <p>(2) Sebab-sebab yang wajar itu boleh ditunjukkan dengan membuktikan bahawa Peguam Syarie itu-</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah (di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikan ia tidak layak menjadi seorang anggota profesionnya; (b) telah bersalah untuk kelakuan curang dalam menjalankan kewajipan profesionalnya atau atas kelakuan fraud atau kelakuan yang tak sesuai sebagai seorang Peguam Syarie; (c) telah dihukum menjadi bankrap dan telah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang disebut dalam perenggan 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967; (d) telah menawarkan atau memberi suapan kepada mana-mana orang kerana telah mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi mana-mana Peguam Syarie lain dalam apa-apa urusan undang-undang; (e) telah secara langsung atau secara tak langsung mendapatkan atau cuba mendapatkan pekerjaan bagi dirinya atau bagi seseorang Peguam Syarie lain melalui atau dengan arahan seseorang yang kepadanya sesuatu saraan kerana mendapatkan pekerjaan itu telah diberi olehnya atau dipersetujui atau dijanjikan untuk diberi sedemikian; (f) telah menerima pekerjaan dalam apa-apa urusan perundangan melalui penarik langganan; (g) membenarkan mana-mana kerani atau mana-mana orang lain yang tak diberi kuasa mengusaha atau menjalankan urusan undang-undang atas namanya, manakala kerani atau orang lain yang tak berkuasa itu tidak berada di bawah kawalan terus dan langsung majikannya yang dapat memastikan supaya ia tidak bertindak tanpa pengawasan yang wajar; (h) menjalankan dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain yang digunakhidmat olehnya apa-apa tred, perniagaan atau pekerjaan yang pada pendapat MAINPP adalah tidak sesuai dengan profesion undang-undang atau ia adalah digunakhidmat dalam mana-mana tred, perniagaan atau pekerjaan itu; (i) telah melanggar atau gagal mematuhi mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana kaedah lain yang dibuat di bawah Enakmen ini jika pada pendapat MAINPP pelanggaran atau kegagalan itu memerlukan tindakan tatatertib.
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB
Bab	
Seksyen *	19 - Aduan terhadap Peguam Syarie.
	<p>(1) Apa-apa aduan mengenai kelakuan seseorang Peguam Syarie atas sifat profesionalnya hendaklah dibuat kepada MAINPP.</p> <p>(2) Aduan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa Peguam Syarie.</p>
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB

Bab	
Seksyen *	20 - Siasatan.
	<p>(1) Setelah Pengerusi Jawatankuasa menerima sesuatu aduan itu, dia hendaklah menyebabkan Jawatankuasa mengadakan siasatan.</p> <p>(2) Tiap-tiap siasatan oleh Jawatankuasa hendaklah dijalankan secara dan setakat yang difikirkan adil dan munasabah menurut budi bicara mutlaknya dengan syarat bahawa sebelum sesuatu siasatan itu dijalankan Jawatankuasa hendaklah-</p> <p>(a) pos atau menyerahkan kepada Peguam Syarie yang berkenaan-</p> <p>(i) suatu pernyataan bertulis menyatakan isi aduan itu; dan</p> <p>(ii) suatu notis meminta Peguam Syarie yang berkenaan dalam tempoh suatu tempoh (yang tidak kurang daripada empat belas hari) seperti yang ditetapkan dalam notis untuk memberi kepada Jawatankuasa apa-apa penjelasan bertulis yang dia ingin kemukakannya dan memberitahu Jawatankuasa sekiranya dia ingin didengar oleh Jawatankuasa itu; dan</p> <p>(b) selepas tempoh empat belas hari itu luput untuk memberi Peguam Syarie berkenaan peluang yang munasabah untuk didengar jika dia berhasrat sedemikian dan hendaklah memberi pertimbangan yang sewajarnya kepada apa-apa penjelasan yang mungkin dibuatnya.</p> <p>(3) Apabila siasatan telah selesai, Jawatankuasa hendaklah memberi suatu laporan tentang dapatannya kepada MAINPP; dan hendaklah juga membuat perakuannya sama ada Peguam Syarie berkenaan adalah bersalah atau tidak atas kesalahan yang diadukan itu.</p> <p>(4) Jika Jawatankuasa membuat perakuan bahawa Peguam Syarie berkenaan didapati bersalah atas kesalahan yang diadukan itu, Jawatankuasa hendaklah juga membuat perakuan mengenai perintah yang patut dikenakan ke atas Peguam Syarie tersebut.</p> <p>(5) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, Jawatankuasa boleh mengawalselia prosedurnya sendiri berhubung dengan perjalanan siasatannya ke atas apa-apa aduan.</p>
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB
Bab	
Seksyen *	21 - Kuasa MAINPP mengeluarkan perintah.
	<p>MAINPP, apabila menerima laporan dan perakuan Jawatankuasa mengikut Kaedah 20, hendaklah membuat mana-mana daripada perintah-perintah yang berikut sebagaimana difikirkan adil dan munasabah-</p> <p>(a) membuat perintah supaya nama Peguam Syarie berkenaan digugurkan daripada Daftar Peguam Syarie;</p> <p>(b) membuat perintah menggantung Peguam Syarie itu daripada menjalankan amalan bagi suatu tempoh yang difikirkan adil dan munasabah;</p> <p>(c) memberi amaran kepada Peguam Syarie itu; atau</p> <p>(d) membuat apa-apa perintah yang lain yang MAINPP fikirkan adil dan munasabah.</p>
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB
Bab	
Seksyen *	22 - Permohonan untuk dikeluarkan nama dari Daftar.

	<p>(1) Seseorang Peguam Syarie boleh, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, memohon kepada Jawatankuasa supaya namanya dikeluarkan dari Daftar Peguam Syarie.</p> <p>(2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa serta disokong dengan affidavit.</p> <p>(3) Jawatankuasa boleh atas sebab yang baik menghendaki pemohon itu supaya mengiklankan tujuannya hendak membuat permohonan itu mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Jawatankuasa.</p> <p>(4) Permohonan itu hendaklah dipertimbangkan oleh Jawatankuasa dan Jawatankuasa kemudiannya hendaklah mengemukakan perakuannya kepada MAINPP.</p>
Bahagian	BAHAGIAN IV PROSIDING TATATERTIB
Bab	
Seksyen *	23 - Permohonan untuk dilantik semula sebagai Peguam Syarie.
	<p>(1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, atas perakuan Jawatankuasa, MAINPP boleh jika difikirkan adil dan munasabah melantik semula seseorang itu, yang namanya telah dikeluarkan atau digugurkan dari Daftar Peguam Syarie, sebagai Peguam Syarie.</p> <p>(2) Sesuatu permohonan supaya seseorang itu dilantik semula sebagai Peguam Syarie hendaklah dibuat mengikut cara yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini bagi seseorang yang berhasrat untuk dilantik semula menjadi Peguam Syarie bagi kali pertamanya; tetapi bagi permohonan yang dibuat di bawah kaedah ini, permohonan itu hendaklah disokong dengan affidavit yang menerangkan mengapa pemohon ingin dilantik semula untuk menjadi Peguam Syarie.</p> <p>(3) Fee bagi setiap Sijil Peguam Syarie yang dikeluarkan di bawah kaedah ini ialah tujuh ratus ringgit.</p>
Bahagian	BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM
Bab	
Seksyen *	24 - Mengemukakan Sijil Peguam Syarie.
	Setiap Peguam Syarie hendaklah mengemukakan Sijil Peguam Syarie jika dikehendaki oleh mana-mana Mahkamah Syariah.
Bahagian	BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM
Bab	
Seksyen *	25 - Keesahan Sijil Peguam Syarie.
	Tiap-tiap Sijil Peguam Syarie adalah sah bagi suatu tempoh selama satu tahun dari tarikh dikeluarkan.
Bahagian	BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM
Bab	
Seksyen *	26 - Pembaharuan.
	<p>(1) Tiap-tiap permohonan untuk memperbaharui Sijil Peguam Syarie hendaklah dibuat kepada MAINPP tidak lewat dari dua bulan sebelum tamat tempoh sijil itu.</p> <p>(2) Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang 1 sebagaimana ditetapkan dalam Jadual 1 dan dikemukakan kepada Pengerusi Jawatankuasa.</p> <p>(3) Fee bagi setiap Sijil Peguam Syarie yang diperbaharui adalah seperti berikut-</p>

- (a) jika permohonan untuk pembaharuan sijil itu dibuat dalam tempoh yang ditetapkan oleh subkaedah (1), feenya ialah satu ratus ringgit;
- (b) jika permohonan untuk pembaharuan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh subkaedah (1), feenya ialah seperti berikut-
 - (i) jika permohonan dibuat dalam tempoh kurang dari dua bulan sebelum tamat tempoh sijil itu, feenya ialah dua ratus ringgit;
 - (ii) jika permohonan dibuat dalam tempoh satu bulan selepas tamat tempoh sijil, feenya ialah tiga ratus ringgit;
 - (iii) jika permohonan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh paragraf (b)(ii) tetapi dibuat dalam tempoh dua bulan selepas tamat tempoh sijil, feenya ialah empat ratus ringgit; dan
 - (iv) jika permohonan dibuat selepas tempoh yang ditetapkan oleh paragraf (b)(iii) tetapi dibuat dalam tempoh tiga bulan selepas tamat tempoh sijil, feenya ialah lima ratus ringgit.

(4) Seseorang Peguam Syarie yang gagal memperbaharui Sijil Peguam Syariyenya sehinggalah tamat tempoh tiga bulan sebagaimana yang ditetapkan oleh subkaedah (3)(b)(iv) tidak akan dibenarkan untuk memperbaharui sijilnya dan namanya hendaklah dianggap sebagai telah dikeluarkan oleh MAINPP dari Daftar Peguam Syarie; dan jika dia berhasrat supaya dilantik semula sebagai Peguam Syarie, dia hendaklah memohon mengikut sepertimana yang ditetapkan oleh Kaedah 23.

Bahagian	BAHAGIAN V PERUNTUKAN AM
Bab	
Seksyen *	27 - Sekatan.

(1) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie melainkan jika dia telah dilantik dengan sempurnanya sebagai Peguam Syarie mengikut Kaedah-Kaedah ini.

(2) Tiada seorang pun boleh menjalankan amalan sebagai Peguam Syarie atau melakukan apa-apa perbuatan sebagai Peguam Syarie jika suatu perintah penggantungan ke atasnya di bawah Kaedah 21 (b) masih berkuatkuasa.

(3) Sesiapa yang melanggar subkaedah (1) atau (2) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan, dihukum dengan denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dengan penjara selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau dengan kedua-duanya sekali.

Pg. P.U. 5/97
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI PULAU PINANG) 1997

JADUAL 1.

(Kaedah 10 dan 26)

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI PULAU PINANG) 1997

Borang 1

(Kaedah 10 dan 26)

BORANG PERMOHONAN UNTUK DILANTIK SEBAGAI PEGUAM SYARIE

* Permohonan Baru/Pembaharuan.

Pengerusi,
Jawatankuasa Peguam Syarie,
Negeri Pulau Pinang.

Dengan hormatnya saya memohon untuk dilantik sebagai Peguam Syarie dan di bawah ini dikemukakan butir-butir mengenai diri saya.

(Hendaklah diisi oleh pemohon dalam HURUF BESAR)

1. Nama:
2. Lain-lain Nama (Jika ada):
3. Jantina:
4. Tarikh Lahir:
5. Tempat Lahir:
6. Bujang/Berkahwin/Lain-lain Taraf:
7. Kewarganegaraan:
8. Agama:
9. No. Kad Pengenalan:
10. Tempat dan Tarikh Pengeluaran:
11. Alamat Urusan Biasa:
12. No. Telefon:

13. Kelayakan dan Kelulusan:

Saya mengaku bahawa segala maklumat yang saya beri di atas adalah benar.

Saya juga mengaku bahawa saya-

(i) tidak pernah disabitkan di Malaysia atau di mana-mana tempat lain atas apa-apa kesalahan jenayah (di bawah mana-mana undang-undang bertulis) yang menjadikan saya tidak layak menjadi seorang Peguam Syarie, khususnya, tetapi tidak terhad kepada, sesuatu kesalahan berkenaan dengan penipuan dan kecurangan; atau

(ii) bukan sedang menjadi bankrap; atau

(iii) tidak pernah didapati bersalah atas apa-apa perbuatan atau ketinggalan yang disebutkan dalam paragraf 33(6)(a), (b), (c), (e), (f), (h), (k) atau (l) Akta Kebankrapan 1967.

Tarikh:

.....

Tandatangan

PERINGATAN:

1. Tiap-tiap pemohon hendaklah mengemukakan dua salinan tiap-tiap sijil dan lain-lain dokumen yang diakui sah dan juga dua salinan bagi tiap surat sokongan.

2. Tiap-tiap salinan sijil atau dokumen hendaklah diakui sah oleh mana-mana orang yang berikut-

(a) Peguam Syarie;

(b) Peguambela dan peguamcara yang berdaftar di bawah Akta Profesion Undang-Undang, 1976;

(c) Ahli Dewan Undangan Negeri;

(d) Ahli Parlienen; atau

(e) Pegawai Kerajaan dalam Kumpulan A.

* Potong yang mana tidak berkenaan.

BAGI KEGUNAAN MAINPP SAHAJA

Tarikh diterima:

Perakuan Jawatankuasa Peguam Syarie:

Tarikh perakuan:

Ditangguhkan kepada tarikh:

Sebab-sebab ditangguhkan:

Keputusan MAINPP:

Tarikh keputusan MAINPP:

Ditangguhkan kepada tarikh:

Sebab-sebab ditangguhkan:

Tarikh pemohon diberitahu:

Tarikh bayaran fee sijil diterima:

No. resit:

Keputusan dihantar kepada pemohon pada:

Resit dihantar kepada pemohon pada:

Dicatatkan dalam Daftar Peguam Syarie pada:

No. Siri Pendaftaran:

Pg. P.U. 5/97
KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI PULAU PINANG) 1997

JADUAL 2.

(Kaedah 14)

ENAKMEN PENTADBIRAN HAL EHW AL AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG 1993

KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE (NEGERI PULAU PINANG) 1997

Borang 2

(Kaedah 14)

SIJIL PEGUAM SYARIE

Dengan ini diperakui bahawa-

No. Siri Pendaftaran:

Nama:

No. Kad Pengenalan:

Alamat:

yang telah mematuhi kehendak-kehendak Kaedah-Kaedah Peguam Syarie (Negeri Pulau Pinang) 1997 telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang sebagai seorang Peguam Syarie di bawah seksyen 63 Enakmen Pentadbiran Hal Ehw Al Agama Islam Pulau Pinang 1993

pada hb 19

Sijil ini adalah sah untuk satu tahun mulai dari tarikh pengeluarannya, iaitu

sehingga

METERAI

Tarikh dikeluarkan M/H

Diperbuat pada 27 Mac 1997.
[PU/PP 3411.]

Dengan Perintah,

DATO' HAJI SHAMSURI BIN HAJI MUHAMAD SALLEH,
Yang di-Pertua,
MaJlis Agama Islam,
Negeri Pulau Pinang

**JAWATANKUASA
PEGUAM SYARIE NEGERI PULAU PINANG**

**KAEDAH-KAEDAH PEGUAM SYARIE
(NEGERI PULAU PINANG)
TAHUN 1997**

